

20/02/1997

PM lawat Menara Berkembar Petronas

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan jemaah menteri melawat Menara Berkembar Petronas dan meninjau pemandangan ibu negara dari bangunan tertinggi dunia itu, selepas mesyuarat mingguan Kabinet hari ini.

Lawatan itu adalah yang pertama bagi menteri ke projek Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC) secara berkumpulan walaupun Perdana Menteri kerap meninjau perkembangan pembinaan projek itu.

Menara Berkembar Petronas setinggi 88 tingkat adalah antara bangunan yang terletak dalam KLCC. Menjulung 452 meter ke udara, bangunan kembar yang unik itu disahkan bangunan tertinggi dunia oleh Majlis Bangunan-bangunan Tinggi dan Habitat Bandar Sedunia.

Dr Mahathir dan anggota Kabinetnya, yang kelihatan begitu puas hati selepas lawatan itu, mendengar taklimat Pengarah Urusan KLCC, Abdul Rahim Naim di Tingkat 15. Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali turut hadir.

Rahim memberitahu pemberita kemudian bahawa beliau memberi taklimat mengenai perkembangan terkini projek kepada jemaah menteri.

(END)